

04 AUG 2003

Chan-Air/I

S'WAK BELUM BUAT KEPUTUSAN SERAH PENGURUSAN AIR KEPADA PUSAT

KUCHING, 4 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri belum membuat keputusan untuk menyerahkan hak pengurusan air kepada kerajaan pusat akhir tahun ini, kata Timbalan Ketua Menteri Dr Chan Hong Nam di sini hari ini.

"Saya tidak pasti kabinet negeri akan berbuat demikian kerana pada keseluruhannya, kita berjaya mengurus bekalan air dengan baik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian jual beli 40 hektar tanah bagi kampus tetap Kolej INTI Sarawak di Bandar Samariang antara kolej itu dan Cahya Mata Sarawak (CMS) Group Projek Bandar Samariang Sdn Bhd.

Dr Chan yang juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam Negeri yang mengakui masih kabur dengan isu itu kerana hanya membacanya menerusi laporan media, berkata belum ada sebarang hubungan komunikasi antara kerajaan negeri dan pusat mengenai perkara itu setakat ini.

Rabu lepas, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Samy Vellu berkata semua negeri, kecuali Sabah dan Sarawak bersetuju pada dasarnya untuk menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat bagi memastikan bekalan yang mencukupi sepanjang masa.

Beliau berkata Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang menghadiri mesyuarat Majlis Air Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Julai memberi persetujuan secara lisan untuk menyerahkan pengurusan air negeri masing-masing kepada kerajaan pusat.

Dr Chan berkata walaupun idea itu baik namun banyak faktor perlu ditimbang sebelum pelaksanaannya kerana masalah pengurusan air di Semenanjung adalah berbeza dengan Sabah dan Sarawak.

"Di Semenanjung, bekalan air bersambung antara negeri-negeri tetapi di sini berdasarkan keadaan geografi muka buminya, kita perlu mengurus sendiri bekalan air kerana Sabah jauh dari sini," katanya.

Dr Chan yang juga Menteri Pembangunan Industri berkata kerajaan negeri sebelum ini meminta kerajaan pusat mengecualikan Sarawak daripada cadangan itu memadamkan tidak berlaku masalah dalam pengurusan bekalan air di negeri ini.

"Kami perlukan bantuan untuk membekalkan air ke kawasan pedalaman tetapi di kawasan bandar, tidak ada masalah," katanya.

Sementara itu di KUALA TERENGGANU, Kerajaan PAS Terengganu tetap tidak bersetuju dengan keputusan Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pengurusan air di negeri itu walaupun kemungkinan tidak akan mendapat bantuan.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata kerajaan Terengganu mampu mengurus sendiri soal pengurusan air walaupun terdapat sedikit masalah, tetapi ia masih boleh diselesaikan dengan baik.

"Kerajaan Pusat sebelum ini dah buat kelonggaran supaya pengurusan air dikorporatkan dan kita dah laksanakan...sehingga kini ia berjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Ukhwah dan Kecemerlangan Wanita Islam di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rakyat Kelantan dan Terengganu mungkin tidak akan mendapat bekalan air jika kedua-dua negeri itu enggan membenarkan Kerajaan Pusat menguruskan bekalan air. memndangkan kedua-dua negeri tersebut yang paling bermasalah daripada segi pengurusan bekalan air termasuk gagal membekalkan air yang berkualiti.

-- BERNAMA

AYB HIS LAT